



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Securities

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.kpkm.gov.my

Ruj. Kami : MOA.500-5/10/2 Jld. 4(59)

Tarikh : 26 Januari 2024

Seperti Senarai Edaran.

YBhg. Datuk/ Dr./ Tuan/ Puan,

**PENETAPAN DASAR DALAMAN LIMA (5) HARI BERKURSUS SETAHUN BAGI
WARGA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Datuk/ Dr./ Tuan/ Puan berhubung perkara tersebut di atas.

2. Seperti YBhg. Datuk/ Dr./ Tuan/ Puan sedia maklum, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005 Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam mengariskan bahawa kehadiran berkursus bagi penjawat awam adalah sekurang-kurangnya tujuh (7) hari setahun. Walaubagaimanapun, Kementerian boleh membuat ketetapan dalaman bagi menentukan bilangan hari berkursus setahun untuk anggota di bawahnya berdasarkan surat edaran JPA ruj. JPA(I)S.175/4/1-1Klt.22(38) bertarikh 29 Februari 2016.

3. Lanjutan itu, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) pada 23 Januari 2024 telah bersetuju untuk membuat ketetapan dalaman agar **bilangan hari berkursus untuk warga Kementerian adalah lima (5) hari setahun**. Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk melahirkan penjawat awam yang kompeten, Ketua Jabatan perlu **memastikan kehadiran lima (5) hari berkursus ini dipatuhi** dan memastikan semua pegawai di bawah seliaan masing-masing dapat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan yang berterusan dengan pemilihan program latihan yang bersesuaian.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(HIDAYATUL SHUHaida BINTI KAMARUDIN)

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan